



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



SOALAN LAZIM (SL) KAD MATRIK / MYSISWA UTM

PERKARA	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah itu Kad Matrik ?	Kad Matrik berfungsi sebagai kad pengenalan diri. Selain itu ia juga boleh dijadikan sebagai: • Kad akses warga UTM yang diberikan kebenaran khusus untuk memasuki ruang bilik atau Kawasan tertentu. • Penggunaanya juga diperluaskan untuk peminjaman buku di Perpustakaan dengan mengimbas kod bar / kod QR pada kad matrik.
2.	Apakah itu Kad MySiswa ?	MySiswa adalah Kad Matrik pelajar yang baharu (bermula tahun 2023), dibekalkan oleh pihak bank RHB yang dinamakan Kad Debit-i MySiswa yang juga berfungsi sebagai kad debit bank RHB.
3.	Adakah Pelajar Kanan perlu menukar Kad Matrik sedia ada (sebelum 2023) kepada Kad MySiswa?	YA. Pertukaran Kad Matrik sedia ada Pelajar Kanan kepada Kad MySiswa dan selaras dengan pemakluman penguatkuasaan Kad MySiswa mengikut Pekeliling Pelajar Bil. 6/2023. • No. rujukan: UTM.J.06.01.00/10.12/22 Jld. 2 (72), bertarikh 18 September 2022. • Rujukan: Warta Kerajaan Persekutuan, Kaedah-kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Teknologi Malaysia) (Tatatertib Pelajar) 2024, Perkara 29 (1) dan (2).
4.	Apakah langkah yang perlu dilakukan oleh saya sebagai Pelajar Baharu sebelum memohon Kad MySiswa?	Pelajar akan menerima "<i>Welcome Email</i>" selepas proses pembukaan akaun berjaya. Jika pelajar memohon pinjaman PTPTN, pelajar UTM boleh menggunakan nombor Akaun Simpanan i-Pro RHB yang diberikan melalui "<i>Welcome Email</i>" untuk tujuan permohonan pinjaman PTPTN. PENTING! Sila pastikan akaun pelajar telah diaktifkan sebelum tarikh pengkreditan dana PTPTN atau pelajar akan terlepas tarikh pembayaran yang dijadualkan dan perlu menunggu tarikh pengkreditan dana PTPTN seterusnya.

5.	Adakah Pelajar Baharu perlu membuka Akaun Simpanan i-Pro RHB sebelum mendaftar pengajian di UTM?	PERLU. Tindakan adalah seperti berikut: ● Pelajar Baharu akan diminta untuk membuka Akaun Simpanan i-Pro terlebih dahulu di mana-mana cawangan bank RHB berdekatan sebelum hadir mendaftar di kampus UTM. Dokumen yang perlu dibawa bagi melancarkan proses pembukaan akaun: ● Siji Kelahiran asal (jika bawah 18 tahun); ● Kad Pengenalan asal; ● Surat Tawaran Pelajar UTM; <u>PENTING!</u> Pelajar UTM yang berumur 18 tahun ke bawah perlu hadir ke cawangan bank RHB bersama ibubapa. <u>NOTA!</u> Mohon rujuk Perkara 4 untuk tindakan selanjutnya selepas selesai pendaftaran.
6.	Adakah Pelajar Kanan juga boleh ke bank RHB untuk proses pembukaan Akaun Simpanan i-Pro RHB sendiri?	BOLEH. Pelajar Kanan boleh ke bank RHB untuk membuka Akaun Simpanan i-Pro RHB, namun perlu membawa dokumen seperti Kad Pengenalan dan Surat Tawaran UTM.
7.	Adakah langkah yang sama juga perlu diikuti untuk pelajar pengajian Separuh Masa UTM SPACE?	YA. Pelajar Baharu pengajian Separuh Masa UTM SPACE perlu membuka Akaun Simpanan i-Pro terlebih dahulu di mana-mana cawangan bank RHB berdekatan sebelum hadir mendaftar di kampus UTM. <u>PENTING!</u> Pelajar UTM SPACE yang berumur 18 tahun ke bawah perlu hadir ke cawangan bank RHB bersama ibu bapa.

8.	Adakah Pelajar Antarabangsa juga layak untuk menerima Kad MySiswa ini?	YA. Pelajar Antarabangsa juga perlu mengikuti langkah-langkah sama seperti di Perkara 4 dan 5. PENTING! Pelajar Baharu/Kanan Antarabangsa perlu mengemukakan dokumen untuk pembukaan Akaun Simpanan i-Pro RHB dan perlu dibawa bersama ke cawangan bank RHB yang berdekatan. Dokumen adalah seperti berikut: ● Passport asal (tarikh tamat tempoh perlu melebihi 6 bulan); ● Surat Tawaran ke Universiti (Pelajar Baharu sahaja); ● Surat Pengesahan Pelajar (Pelajar Kanan sahaja); ● Pas pelajar (Pass perlu berada dalam keadaan sah tempoh 6 bulan ketika sesi pembukaan akaun); ● Surat Pengesahan Pembukaan Akaun daripada EMGS.
9.	Saya merupakan pelajar Antarabangsa yang datang dari negara berisiko tinggi untuk membuka akaun bank. Adakah saya akan menerima Kad MySiswa juga?	TIDAK. Pelajar Antarabangsa yang mempunyai masalah untuk pembukaan Akaun Simpanan i-Pro RHB tidak akan menerima Kad MySiswa sebagai Kad Debit-i MySiswa yang mempunyai cip. Malah pelajar akan diberi Kad MySiswa Mifare sebagai ganti. Akan tetapi Kad MySiswa Mifare ini tidak akan berfungsi sebagai Kad Debit-i MySiswa atau kad debit bank. Boleh rujuk lampiran 3 (12 negara/daerah dibawah sekatan terpilih). Nota : Maklumat ini akan dikemaskini dari masa ke semasa.
10.	Adakah Pelajar Tempatan juga yang mempunyai masalah pembukaan Akaun Simpanan-i Pro RHB akan menerima Kad MySiswa Mifare juga?	YA. Pelajar akan diberi notifikasi daripada pihak bank RHB berkenaan kegagalan pembukaan Akaun Simpanan-i Pro RHB diatas sebab-sebab yang tidak dibenarkan oleh pihak bank RHB. Rujuk pada pihak bank RHB berkenaan masalah pembukaan akaun lebih lanjut.
11.	Jika saya sudah mempunyai akaun RHB yang sedia ada , adakah saya perlu juga membuka Akaun Simpanan-i Pro RHB ?	PERLU. Pengesahan diperlukan untuk pembukaan akaun baru atas nama Akaun Simpanan-i Pro RHB. Akaun di bawah inisiatif Kad MySiswa adalah akaun khas yang diwujudkan oleh pihak bank RHB. Antara keistimewaan akaun ini adalah tiada yuran tahunan yang akan dikenakan oleh pihak bank RHB ke atas pelajar sepanjang tempoh pengajian di Universiti.
12.	Perluakah saya memakai Kad MySiswa ketika saya berada diluar kampus untuk urusan peribadi?	TIDAK. Pelajar tidak digalakkan memakai Kad MySiswa semasa berurusan diluar Universiti, akan tetapi pelajar boleh membawa Kad MySiswa ke mana-mana dan disimpan bersama pelajar ditempat yang selamat seperti beg atau dompet.
13.	Adakah gambar swafoto (selfie) sesuai dijadikan gambar Kad MySiswa?	TIDAK. Kad MySiswa merupakan kad identiti sebagai pelajar UTM. Gambar yang dipaparkan perlu menonjolkan kredibiliti pelajar sebagai pelajar Universiti berwibawa. Pelajar dinasihatkan memuatnaik gambar yang diambil dari jurufoto yang berkemahiran dan professional.

14.	Apakah yang perlu saya lakukan jika maklumat Kad MySiswa yang dicetak tidak tepat?	Sila buat semakan semasa menerima Kad MySiswa . Sila pastikan maklumat diri dan maklumat pengajian adalah tepat sepertimana di dalam surat tawaran . Sila maklumkan kepada petugas kaunter sekiranya terdapat kesilapan maklumat bagi tujuan cetakan semula kad matrik.						
15.	Sebagai pelajar baharu , apakah panduan bagi memastikan gambar saya yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak UTM?	● Gambar berukuran Passport ● Latar belakang gambar pelajar perlu berwarna Putih ● Format gambar – JPEG ● Rujukan pada Guidelines For UTM Matric Card Photo.						
16.	Adakah saya boleh memperbaharui Kad MySiswa jika saya ingin menukar gambar yang lebih sesuai atau berpuas hati ?	Jika ingin menukar Kad MySiswa atas tujuan peribadi, maka caj akan dikenakan kepada pelajar. Berikut adalah caj yang akan dikenakan: <table><tr><th>Jenis Caj</th><th>Kadar Caj (RM)</th></tr><tr><td>Penggantian Kad</td><td>30</td></tr><tr><td>Pengaktifan Semula</td><td>12</td></tr></table> NOTA! ● Penggantian dan Pembayaran Kad MySiswa boleh dilakukan dengan hadir ke kaunter perkhidmatan Kad MySiswa di cawangan kampus pelajar. (Rujuk Perkara 22) ● Pembayaran caj pengaktifan semula Kad MySiswa adalah di cawangan bank RHB. (Rujuk Perkara 29)	Jenis Caj	Kadar Caj (RM)	Penggantian Kad	30	Pengaktifan Semula	12
Jenis Caj	Kadar Caj (RM)							
Penggantian Kad	30							
Pengaktifan Semula	12							
17.	Jika saya menukar kursus, maka maklumat pada Kad MySiswa berubah, adakah saya akan dicaj juga?	TIDAK. Jika maklumat berubah atas keperluan Universiti , maka tiada caj yang dikenakan dan Kad MySiswa perlu dipulangkan di kaunter perkhidmatan, namun caj RM12 dikenakan untutk pengaktifan Kad MySiswa baharu di cawangan bank RHB.						
18.	Adakah saya perlu sentiasa memakai / membawa Kad MySiswa sepanjang masa berada di dalam kampus ?	YA. Kad MySiswa merupakan kad identiti sebagai pelajar UTM dan WAJIB dipakai dan dibawa sepanjang masa semasa pelajar berada di dalam kampus. Kegagalan menunjukkan Kad MySiswa sekiranya diminta oleh Pegawai Universiti boleh menyebabkan pelajar dikenakan tindakan. Sumber rujukan : Pekeliling Pelajar Bil.2/2019 ● No. rujukan: UTM.J.06.01.00/10.12/22 Jld. 2 (36) Tarikh : 17 April 2019						
19.	Bilakah saya boleh menerima wang pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) saya?	Wang pinjaman PTPTN akan dikreditkan ke Akaun Simpanan-i Pro pelajar berdasarkan jadual pengeluaran pinjaman PTPTN. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada akaun pelajar diaktifkan terlebih dahulu .						

20.	Apakah kelebihan yang boleh pelajar UTM dapat jika memilik Kad MySiswa?	● Kad Debit / Kad Matrik / Kad Diskaun / <i>edompet</i> ● Penyaluran wang PTPTN / bantuan <i>one-off</i> kewangan ● Pembelian di kafeteria, kedai buku, koperasi, dan lain-lain perkhidmatan dalam kampus. ● Tiada yuran tahunan dikenakan kepada pemilik kad ● Sistem mata ganjaran untuk mendapatkan barangan atau baucar serta digunakan untuk pembelian alat tulis, bahan bacaan, alatan komputer, dan akses internet.																						
21.	Dimanakah dan bila saya boleh memohon dan mengambil Kad MySiswa?	Pelajar UTM boleh memohon dan mengambil Kad MySiswa di: ● UTM Johor Bahru Kaunter Kad Matrik UTM Campus Connect Hub, Bangunan F54 <table><tr><th colspan="2">Waktu Operasi (Kampus Johor Bahru)</th></tr><tr><th>Hari</th><th>Masa</th></tr><tr><td>Isnin - Jumaat</td><td>8:30 pagi hingga 4:30 petang</td></tr><tr><td>Sabtu - Ahad</td><td>Tutup</td></tr><tr><td colspan="2">Emel : identitycard@utm.my</td></tr></table> ● UTM Kuala Lumpur UTMKL Services Aras 2, Menara Razak <table><tr><th colspan="2">Waktu Operasi (Kampus Kuala Lumpur)</th></tr><tr><th>Hari</th><th>Masa</th></tr><tr><td>Isnin – Khamis</td><td>9:00 pagi hingga 12:45 tengahari 2:00 petang hingga 4:30 petang</td></tr><tr><td>Jumaat</td><td>9:00 pagi hingga 12:15 tengahari 2:45 petang hingga 4:30 petang</td></tr><tr><td>Sabtu – Ahad & Cuti Umum</td><td>Tutup</td></tr><tr><td colspan="2">Emel : smartcard.kl@utm.my Telefon : 03-21805452</td></tr></table> PENTING! Pelajar perlu mengambil Kad MySiswa hanya di kampus yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti seperti yang tertera di surat tawaran.	Waktu Operasi (Kampus Johor Bahru)		Hari	Masa	Isnin - Jumaat	8:30 pagi hingga 4:30 petang	Sabtu - Ahad	Tutup	Emel : identitycard@utm.my		Waktu Operasi (Kampus Kuala Lumpur)		Hari	Masa	Isnin – Khamis	9:00 pagi hingga 12:45 tengahari 2:00 petang hingga 4:30 petang	Jumaat	9:00 pagi hingga 12:15 tengahari 2:45 petang hingga 4:30 petang	Sabtu – Ahad & Cuti Umum	Tutup	Emel : smartcard.kl@utm.my Telefon : 03-21805452	
Waktu Operasi (Kampus Johor Bahru)																								
Hari	Masa																							
Isnin - Jumaat	8:30 pagi hingga 4:30 petang																							
Sabtu - Ahad	Tutup																							
Emel : identitycard@utm.my																								
Waktu Operasi (Kampus Kuala Lumpur)																								
Hari	Masa																							
Isnin – Khamis	9:00 pagi hingga 12:45 tengahari 2:00 petang hingga 4:30 petang																							
Jumaat	9:00 pagi hingga 12:15 tengahari 2:45 petang hingga 4:30 petang																							
Sabtu – Ahad & Cuti Umum	Tutup																							
Emel : smartcard.kl@utm.my Telefon : 03-21805452																								

22.	Apakah yang perlu dilakukan semasa dan selepas saya mengambil Kad MySiswa?	Semasa pengambilan Kad MySiswa: ● Pelajar akan mengisi <i>Google Form</i> yang disediakan di kaunter perkhidmatan Kad Matrik di kampus bagi tujuan merekod permohonan dan pengambilan Kad MySiswa. Selepas pengambilan Kad MySiswa: ● Pelajar boleh ke cawangan bank RHB yang berdekatan dengan tujuan pengaktifan KPS; ATAU ● Pengaktifan boleh dilakukan di booth RHB pada tarikh/lokasi yang akan ditetapkan oleh RHB/Universiti yang akan dimaklumkan kepada semua pelajar (lokasi akan berada di dalam Universiti).
23.	Apakah implikasi jika saya tidak mengaktifkan Kad MySiswa di cawangan bank RHB?	Akaun Simpanan i-Pro pelajar akan ditutup secara automatik jika akaun tidak diaktifkan dalam tempoh 240 hari dari tarikh pembukaan akaun dan/atau jika tiada deposit diterima dalam tempoh 300 hari selepas akaun diaktifkan.
24.	Apakah jenis transaksi yang boleh saya lakukan dengan menggunakan Kad MySiswa?	Urus niaga ATM di mana-mana ● ATM RHB ● MEPS bank tempatan / asing (di Malaysia) ● ATM yang memaparkan VISA / MasterCard / VISA Plus Cirrus (Di Luar Malaysia) Perbelanjaan runcit untuk membeli barangan atau perkhidmatan melalui: ● Transaksi PIN ❖ Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) 6 digit diperlukan di terminal tempat jualan. ● Fungsi Tanpa Sentuh ❖ Untuk pembelian RM250 & ke bawah, tiada Pin diperlukan. ❖ Untuk pembelian RM251 & ke atas, PIN diperlukan. Pembelian dalam talian / Internet ● Pelajar perlu masukkan PIN pelajar untuk melindungi transaksi dalam talian. ● Pelajar perlu 'opt-in' untuk fungsi kad tidak hadir terlebih dahulu. ● Untuk maklumat lanjut tentang fungsi 'opt-in', rujuk Perkara 25.

25.	Apakah yang perlu saya lakukan jika saya terlupa PIN Kad MySiswa?	● Pelajar boleh menetapkan PIN baharu melalui IVR (Perbankan Telefon) Perbankan Dalam Talian RHB. ● Untuk IVR (Perbankan Telefon), butiran kad pelajar seperti nombor kad, tarikh luput dan sebagainya diperlukan dan T-PIN (PIN sementara) akan dihantar melalui SMS ke nombor mudah alih pelajar yang berdaftar dengan RHB untuk meneruskan penetapan PIN baharu pelajar. ● Untuk Perbankan Dalam Talian/ Perbankan Mudah Alih RHB, pelajar perlu mengakses dalam talian / perbankan mudah alih dan T-PIN (PIN sementara) akan dihantar melalui SMS ke nombor mudah alih pelajar yang berdaftar dengan RHB untuk meneruskan penetapan PIN baharu pelajar.																										
26.	Bagaimanakah cara saya memastikan PIN Kad MySiswa saya selamat?	Elakkan PIN enam digit yang mudah diteka seperti: ● Nombor yang dikaitkan dengan hari lahir, ulang tahun, nombor pasport, lesen memandu dalam sebarang bentuk atau gabungan; ● Nombor berurutan seperti 123456 atau 111111; ● Nombor telefon atau nombor kad pengenalan																										
27.	Bolehkah saya menggunakan Kad MySiswa saya untuk pembayaran/transaksi tanpa sentuh?	Ya, boleh. Rujuk Perkara 28 untuk kadar <i>limit</i> transaksi tanpa sentuh.																										
28.	Bagaimanakah caranya jika saya ingin menyahaktifkan ciri tanpa sentuh saya atau mengurangkan kiraan/jumlah tanpa sentuh pada Kad MySiswa?	Pelajar UTM boleh hadir di mana-mana cawangan RHB terdekat dengan pelajar. Senarai semua cawangan RHB boleh didapati di https://www.rhbgroup.com/locate/index.html. Sebagai alternatif, pelajar boleh menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan RHB di talian 03-92068118 untuk mengurangkan kiraan/jumlah tanpa sentuh pada Kad Debit-i RHB MySiswa.																										
29.	Adakah saya akan dikenakan sebarang caj pada Kad MySiswa?	<table><tr><th colspan="2">Caj Tahunan / Caj Pengeluaran Kad</th></tr><tr><td colspan="2">Dikecualikan</td></tr><tr><th colspan="2">Caj Pengeluaran Wang ATM*</th></tr><tr><td>RHB ATM</td><td>Percuma</td></tr><tr><td>MEPS Bank Tempatan</td><td>RM1.00 setiap pengeluaran</td></tr><tr><td>MEPS Bank Asing</td><td>RM1.00 setiap pengeluaran</td></tr><tr><td>Rangkaian Visa/MasterCard</td><td>RM12.00 setiap pengeluaran</td></tr><tr><th colspan="2">Caj Penggantian Kad</th></tr><tr><td colspan="2">RM30.00</td></tr><tr><th colspan="2">Caj Mendapatkan Semula Draf Jualan*</th></tr><tr><td colspan="2">RM20.00</td></tr><tr><th colspan="2">Fi Pertukaran Matawang bagi Urus Niaga Luar Negara</th></tr><tr><td colspan="2">1% daripada jumlah amaun yang ditukar</td></tr></table> <i>*Termasuk sebarang cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa.</i>	Caj Tahunan / Caj Pengeluaran Kad		Dikecualikan		Caj Pengeluaran Wang ATM*		RHB ATM	Percuma	MEPS Bank Tempatan	RM1.00 setiap pengeluaran	MEPS Bank Asing	RM1.00 setiap pengeluaran	Rangkaian Visa/MasterCard	RM12.00 setiap pengeluaran	Caj Penggantian Kad		RM30.00		Caj Mendapatkan Semula Draf Jualan*		RM20.00		Fi Pertukaran Matawang bagi Urus Niaga Luar Negara		1% daripada jumlah amaun yang ditukar	
Caj Tahunan / Caj Pengeluaran Kad																												
Dikecualikan																												
Caj Pengeluaran Wang ATM*																												
RHB ATM	Percuma																											
MEPS Bank Tempatan	RM1.00 setiap pengeluaran																											
MEPS Bank Asing	RM1.00 setiap pengeluaran																											
Rangkaian Visa/MasterCard	RM12.00 setiap pengeluaran																											
Caj Penggantian Kad																												
RM30.00																												
Caj Mendapatkan Semula Draf Jualan*																												
RM20.00																												
Fi Pertukaran Matawang bagi Urus Niaga Luar Negara																												
1% daripada jumlah amaun yang ditukar																												

30.	Apakah had pengeluaran ATM harian saya untuk Kad MySiswa? Bolekah saya menukar had harian saya?	Jika pelajar berumur bawah 18 tahun: - Had tersedia pengeluaran ATM harian dan perbelanjaan kad debit-i pelajar akan ditetapkan kepada RM200 sehari. PENTING! - Apabila pelajar mencapai umur 18 tahun, kami akan menukar status akaun Akaun Simpanan-i RHB Pro pelajar daripada bawah umur (MNR) kepada individu (IND) berkuat kuasa serta-merta dengan tiada perubahan pada nombor akaun pelajar. - Selepas penukaran status akaun, pelajar kini boleh menikmati had pengeluaran ATM harian dan perbelanjaan kad debit-i untuk 18 tahun ke atas. - Sila kunjungi Cawangan RHB terdekat untuk meningkatkan had transaksi & perbelanjaan harian Kad Debit-i RHB MySiswa pelajar. Jika pelajar berumur 18 tahun dan ke atas: - Had pengeluaran ATM harian dan had perbelanjaan kad debit-i ditetapkan kepada RM3,000 dan ya, pelajar juga boleh menukar had harian pelajar seperti jadual minimum dan maksimum di bawah.																
		<table><tr><th>Jenis Transaksi</th><th>Had Tersedia Harian (RM)</th><th>Had minimum (RM)</th><th>Had maksimum harian (RM)</th></tr><tr><td>ATM</td><td>3,000</td><td>1,000</td><td>5,000</td></tr><tr><td>EMV</td><td>3,000</td><td>1,000</td><td>Sehingga baki yang tersedia dalam Akaun Simpanan-i Pro pelajar.</td></tr><tr><td>EPOS</td><td>3,000</td><td>1,000</td><td>5,000</td></tr></table> - EMV merujuk kepada transaksi runcit (sama ada urusan niaga tempatan atau luar negara) yang diproses melalui rangkaian pembayaran Visa / MasterCard. - Urus niaga ATM luar negara adalah melalui had EMV. - EPOS merujuk kepada transaksi urusan niaga tempatan yang diproses melalui rangkaian bayaran MyDebit.	Jenis Transaksi	Had Tersedia Harian (RM)	Had minimum (RM)	Had maksimum harian (RM)	ATM	3,000	1,000	5,000	EMV	3,000	1,000	Sehingga baki yang tersedia dalam Akaun Simpanan-i Pro pelajar.	EPOS	3,000	1,000	5,000
Jenis Transaksi	Had Tersedia Harian (RM)	Had minimum (RM)	Had maksimum harian (RM)															
ATM	3,000	1,000	5,000															
EMV	3,000	1,000	Sehingga baki yang tersedia dalam Akaun Simpanan-i Pro pelajar.															
EPOS	3,000	1,000	5,000															
31.	Bagaimanakah cara menukar had harian Kad MySiswa saya?	Pelajar boleh hadir di mana-mana cawangan RHB yang terdekat dengan pelajar. Senarai semua cawangan RHB boleh didapati di https://www.rhbgroun.com/locate/index.html. Pelajar juga boleh menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan RHB di 03-9206 8118.																

32.	Bolehkah saya melakukan pembelian dalam talian seperti untuk Amazon.com, eBay.com, Alibaba.com, Lazada, Shopee atau mana-mana platform beli-belah dalam talian lain yang serupa? Bolehkah saya menggunakan Kad MySiswa saya untuk transaksi di luar negara juga?	Ya, walaubagaimanapun pelajar mesti 'opt-in' terlebih dahulu untuk transaksi ini. Untuk Kad Debit-i RHB MySiswa, transaksi kad di luar negara atau kad tidakhadir akan disekat secara automatik melainkan pelajar telah melakukan opt-in terlebih dahulu. Pelajar boleh melakukan 'opt-in' untuk transaksi ini melalui: • Mana-mana ATM RHB; atau • Cawangan RHB; atau • Pusat Perhubungan Pelanggan RHB Ini akan berkuat kuasa pada hari berikutnya.
33.	Mengapakah pembelian saya menggunakan Kad MySiswa ditolak?	Ini mungkin disebabkan oleh: • Baki tidak mencukupi dalam Akaun Simpanan-i Pro pelajar yang dipautkan kepada Kad Debit-i RHB MySiswa pelajar. • Amaun pembelian melebihi had perbelanjaan harian. • Fungsi untuk transaksi dalam talian atau luar negara mungkin belum diaktifkan lagi (opt-in).
34.	Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya Kad MySiswa dicuri atau hilang?	Pelajar dikehendaki mengikuti langkah berikut: • Segera hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan RHB di 03-9206 8118 untuk menyekat Kad Debit-i RHB MySiswa pelajar. • Hadir di kaunter perkhidmatan Kad MySiswa di cawangan UTM masing-masing untuk mendapatkan penggantian Kad Debit-i RHB MySiswa. • Hadir di mana-mana cawangan RHB yang berdekatan dengan pelajar untuk mengaktifkan Kad Debit-i RHB MySiswa pelajar yang baru dan sila bawa bersama dokumen pelajar untuk pengesahan. Senarai semua cawangan RHB boleh didapati di https://www.rhbgroup.com/locate/index.html NOTA! • Caj Penggantian Kad ialah RM12 dan akan dicaj oleh RHB semasa pengaktifan kad. • Caj Kad Hilang akan dikenakan oleh pihak UTM.

35.	Jika berlaku kehilangan atau kerusakan Kad MySiswa, apakah yang perlu saya lakukan untuk mendapatkan semula Kad MySiswa?	• Jika berlaku kehilangan, segera menghubungi dan melaporkan kehilangan Kad MySiswa kepada pihak bank RHB seperti di Perkara 34. • Bagi tujuan penggantian kad, pelajar tidak perlu hadir ke cawangan bank RHB kerana Kad MySiswa hanya boleh diperolehi/dicetak di kampus UTM sahaja. • Pelajar perlu hadir ke kaunter perkhidmatan Kad Matrik di kampus pelajar dan mengisi <i>Google Form</i> untuk permohonan semula Kad MySiswa. Pembayaran boleh dibuat melalui laman PayHub UTM (https://payhub.utm.my/payment/cart/d6fd8164f21dd77659b26a21ee8d151d). • Berikut adalah caj yang dikenakan bagi jenis permohonan: <table><tr><th>Jenis Permohonan</th><th>Jumlah Caj (RM)</th></tr><tr><td>Kad Hilang / Rosak</td><td>30</td></tr></table> <i>*Pembayaran perlu dibuat dihadapan petugas kaunter dan resit pembayaran perlu disimpan secara softcopy untuk dimuatnaik ke dalam Google Form permohonan.</i> Kad MySiswa yang baru dicetak/diperolehi oleh pelajar, ianya perlu diaktifkan dengan akaun Simpanan i-Pro sedia ada dengan hadir ke cawangan bank RHB yang berdekatan.	Jenis Permohonan	Jumlah Caj (RM)	Kad Hilang / Rosak	30
Jenis Permohonan	Jumlah Caj (RM)					
Kad Hilang / Rosak	30					
36.	Apakah yang perlu saya lakukan jika saya terlupa PIN MySiswa?	Pelajar perlu menggantikan Kad MySiswa dengan caj RM30 dan RM12 seperti yang dinyatakan di Perkara 17, 29 dan 35				
37.	Apakah ciri keselamatan yang ada pada Kad MySiswa?	Ciri Kad Debit-i RHB MySiswa: • Untuk pembelian RM500 dan ke atas melalui Kad Debit-i RHB MySiswa pelajar, makluman SMS akan dihantar ke nombor telefon mudah alih pelajar yang berdaftar dengan RHB. • Untuk pembelian yang dibuat dalam talian di pedagang 3D Secure, Kod Pengesahan Kata Laluan Satu Kali (OTP) akan dihantar melalui pengesahan SMS. • Setiap transaksi tanpa sentuh mempunyai kod unik yang berubah dengan setiap pembelian untuk mengelakkan kad palsu daripada dihasilkan daripada butiran keselamatan kad yang dipintas.				

38.	Apakah yang perlu saya lakukan apabila saya bukan lagi seorang pelajar?	Pelajar akan menerima e-mel pemberitahuan daripada RHB untuk memaklumkan bahawa Akaun Simpanan-i RHB Pro pelajar secara automatik ditukar kepada Akaun Simpanan-i berasaskan Murabahah Komoditi (CM) dan Kad Debit-i RHB MySiswa pelajar akan dilumpuhkan. Selepas tamat pengajian atau keluar dari Universiti, pelajar hanya perlu melawat mana-mana Cawangan RHB untuk penggantian Kad Debit-i pelajar sebaik sahaja pelajar menerima e-mel daripada RHB yang memberitahu untuk berbuat demikian. Sehingga penggantian tersebut, pelajar akan terus menikmati semua ganjaran dan faedah yang ditawarkan kepada pelajar di bawah Kad Debiti RHB MySiswa seperti yang diterbitkan di laman web kami.
39.	Jika saya mempunyai kebimbangan, siapa yang harus saya hubungi?	Sebarang urusan berkaitan Universiti, boleh hubungi: Pelajar Sepenuh Masa (Johor Bahru): Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Talian: 011-55599651 / 07-5530567 Emel: bkkthep@utm.my Pelajar Sepenuh Masa (Kuala Lumpur): Pejabat Hal Ehwal Pelajar Talian: 03-26154348 Pelajar Separuh Masa: UTM SPACE Talian: 013-2742012 / 013-2777214 / 017-3772077 Emel: hepspace@utmspace.edu.my Bagi perkara yang berkaitan dengan Akaun Simpanan-i RHB Pro atau Kad Debiti RHB MySiswa pelajar, hubungi: Pusat Perhubungan Pelanggan RHB Talian: 03-9206 8118 E-mel: customer.service@rhbgroupp.com
40.	Dimanakah saya boleh merujuk cawangan RHB berdekatan saya?	Senarai semua cawangan RHB boleh didapati di https://www.rhbgroupp.com/locate/index.html

LAMPIRAN 1

KEHILANGAN / PENGGANTIAN KAD MYSISWA	
STATUS CETAK	CAJ
PERUBAHAN MAKLUMAT PERIBADI ⁽¹⁾	RM30
TERLUPA NOMBOR PIN ⁽²⁾	
LEWAT PENGAMBILAN ⁽³⁾	
HILANG	
ROSAK ⁽⁴⁾	

(1) PERUBAHAN MAKLUMAT PERIBADI

- Perubahan maklumat peribadi terdiri daripada perubahan pada **GAMBAR** pelajar.
- Rujuk Perkara 13, 15 dan 16.

(2) TERLUPA NOMBOR PIN

- Ia menyebabkan Kad MySiswa pelajar **DISEKAT (BLOCK)** dan tidak dapat digunakan. Pelajar perlu hadir ke kaunter perkhidmatan Kad MySiswa dan tindakan seperti di **Perkara 36**.

(3) LEWAT PENGAMBILAN

- Pelajar akan dikenakan **caj RM30** dibawah kategori **LEWAT PENGAMBILAN** jika pelajar sudah membuka Akaun Simpanan-i Pro RHB tetapi **TIDAK MENGAMBIL Kad MySiswa di kaunter perkhidmatan ATAU MENGAKTIFKAN** Kad MySiswa dalam tempoh **240 HARI** seperti yang ditetapkan oleh pihak RHB.
- Rujuk Perkara 23.

(4) ROSAK

- Kondisi kad Rosak adalah dalam seperti keadaan **PATAH** atau seperti **(2)** dan **(3)**.

LAMPIRAN 2

PERKARA DIBENARKAN	PERKARA DILARANG																				
Untuk Akaun Simpanan-i Pro: 1. Pastikan nombor Akaun Simpanan-i Pro pelajar selamat dengan pelajar. 2. Pastikan pelajar hanya melakukan transaksi yang sah dan tidak menipu. 3. Semak ketulenan laman web sebelum log masuk. Pelajar hanya perlu mengklik URL berikut: <table><tr><td>Laman</td><td>Web</td><td>Kumpulan</td><td>RHB</td><td>-</td></tr><tr><td colspan="5">https://www.rhbgroup.com/index.html</td></tr><tr><td>Perbankan</td><td>Dalam</td><td>Talian</td><td>RHB</td><td>-</td></tr><tr><td colspan="5">https://onlinebanking.rhbgroup.com/my/login</td></tr></table>	Laman	Web	Kumpulan	RHB	-	https://www.rhbgroup.com/index.html					Perbankan	Dalam	Talian	RHB	-	https://onlinebanking.rhbgroup.com/my/login					Untuk Akaun Simpanan-i Pro: 1. Jangan dedahkan nombor Akaun Simpanan-i Pro pelajar kepada pihak yang tidak dikenali/tidak berkaitan. 2. Jangan benarkan pihak ketiga menggunakan Akaun Simpanan-i Pro pelajar untuk sebarang transaksi. 3. Jangan berkongsi nama pengguna dan kata laluan perbankan dalam talian pelajar dengan sesiapa sahaja termasuk ahli keluarga pelajar 4. Jangan kongsi One Time Password (OTP) dengan sesiapa termasuk ahli keluarga pelajar
Laman	Web	Kumpulan	RHB	-																	
https://www.rhbgroup.com/index.html																					
Perbankan	Dalam	Talian	RHB	-																	
https://onlinebanking.rhbgroup.com/my/login																					
Untuk Kad Debit-i RHB MySiswa: 1. Sila maklumkan kepada RHB dan Universiti pelajar dengan segera jika pelajar kehilangan Kad MySiswa pelajar atau jika pelajar mendapati penggunaan Kad Debit pelajar tanpa kebenaran. 2. Simpan Kad MySiswa pelajar di tempat yang selamat atau simpan bersama pelajar pada setiap masa.	Untuk Kad Debit-i RHB MySiswa: 1. Jangan lakukan sebarang transaksi penipuan. 2. Jangan berlengah untuk memaklumkan kepada RHB sekiranya kehilangan atau jika pelajar mendapati sebarang penggunaan tanpa kebenaran Kad MySiswa pelajar. 3. Jangan dedahkan PIN pelajar secara sukarela kepada sesiapa termasuk ahli keluarga pelajar. 4. Jangan rekod PIN pelajar pada Kad MySiswa pelajar, atau pada apa-apa yang disimpan bersama Kad MySiswa pelajar. 5. Jangan meninggalkan Kad MySiswa pelajar atau item yang mengandungi Kad MySiswa pelajar di tempat-tempat tanpa jagaan yang boleh dilihat dan diakses kepada orang lain kecuali di tempat kediaman pelajar. Walau bagaimanapun, pelajar perlu berhati-hati dalam melindungi Kad MySiswa pelajar walaupun di tempat kediaman pelajar 6. Jangan pinjamkan Kad MySiswa pelajar kepada sesiapa/ benarkan orang lain menggunakan Kad MySiswa pelajar.																				

LAMPIRAN 3

Negara/Daerah Dibawah Sekatan Terpilih (Selection Sanction Countries/Territories)	Kriteria untuk Pembukaan Akaun RHB
1. Cuba 2. Syria 3. Russia 4. Crimea 5. Sevastopol 6. Donetsk 7. Luhanks 8. Venezuela 9. Myanmar 10. Belarus 11. Iran 12. Korea Utara	• Transaksi perbankan oleh pelajar daripada negara/daerah yang tersenarai yang melibatkan unsur daripada negara Amerika Syarikat seperti matawang USD, individu atau barangan adalah tidak dibenarkan. • Pembukaan akaun RHB dibenarkan jika tidak melibatkan sebarang unsur dengan negara Amerika Syarikat. • Pembukaan Akaun Pelbagai Matawang (Multi-Currency Account) adalah tidak dibenarkan. • Hanya transaksi yang melibatkan matawang Ringgit Malaysia melalui kaunter RHB dibenarkan. • Kemudahan perbankan mudah alih/internet adalah tidak dibenarkan. • Kemudahan pembiayaan perdagangan (trade financing) adalah tidak dibenarkan. • Tiada kemudahan perbankan seperti pinjaman, kad kredit dan lain-lain dibenarkan.

RUJUKAN

- **RHB JOY@UNI PROGRAMME**
<https://www.rhbgroup.com/pdf/consents.pdf>
- **KAD MATRIK UTM (HEP)**
<https://studentaffairs.utm.my/wp-content/uploads/2022/08/KAD-MATRIK.pdf>
- **GUIDELINE FOR MATRIC CARD**
<https://intake02.utm.my/semakan/docs/ePhoto/GUIDELINES%20FOR%20UTM%20MATRIC%20CARD%20PHOTO.pdf>